

20 OCT 2000

Mahathir-F1

DR MAHATHIR BERKATA F1 MENJADIKAN MALAYSIA PUSAT TUMPUAN DUNIA

SEPANG, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perlumbaan Formula One telah menjadikan Malaysia pusat tumpuan global dan ini merupakan satu keistimewaan yang lahir hanya daripada sejumlah kecil acara yang dianjurkan di dunia.

"Dengan kejayaan Formula One, Malaysia tidak akan lagi sama seperti dulu, " katanya dalam perutusan pada buku cenderamata rasmi bagi Petronas Grand Prix Malaysia yang bermula hari ini di Sirkuit Antarabangsa Sepang.

Dr Mahathir, penggerak utama dalam menganjurkan perlumbaan F1 yang diadakan buat pertama kali di sini tahun lepas, berkata dunia kini mempunyai perspektif lebih baik tentang Malaysia, rakyatnya dan tanahair mereka yang indah.

Katanya acara sulung F1 tahun lepas, yang dipilih sebagai Grand Prix terbaik, merupakan satu kejayaan besar dan berharap SIC akan membina daripada pencapaian ini untuk membangunkan lagi sukan bermotor dan melahirkan juara negara sendiri.

"Dengan meletakkan standard baru antarabangsa, Malaysia telah sekali lagi menunjukkan pencapaiannya kepada dunia, sebuah negara muda yang bersatu dengan dedikasi yang kuat, komitmen yang tegas, wawasan yang berpandangan jauh serta sentiasa bersedia berhadapan dengan cabaran baru," katanya.

Beliau berkata ia merupakan satu kejayaan besar yang dicapai atas usaha bersungguh-sungguh semua rakyat Malaysia.

"Saya tidak pernah meragui potensi dan kemampuan mereka apabila kerajaan mula-mula memutuskan untuk menyahut cabaran pada 1991 bagi menganjurkan acara F1 di Malaysia," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang kini menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Seoul, dijadual merasmikan acara itu pada Ahad di sirkuit berharga RM286 juta ini.

Melalui F1, negara berharap untuk terus membawa impak yang kukuh di peringkat antarabangsa dan juga di trek perlumbaan itu sendiri dalam masa terdekat ini, katanya.

Mengenai GP Malaysia yang merupakan pusingan terakhir musim ini, Dr Mahathir berkata Malaysia berbangga untuk terus menjadi sebahagian daripada acara bertaraf dunia dan berprestij ini.

"Kita akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan F1 terus menjadi acara terbesar di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir turut mengucapkan terima kasih kepada "orang kuat" F1 Bernie Ecclestone, pengerusi Pengurusan Formula One dan FIA kerana bantuan mereka dalam menjadikan impian Malaysia satu kenyataan.

Beliau turut merakamkann penghargaan terhadap sumbangan Petronas sebagai penaja acara itu dan penyokong Malaysia yang paling kuat bagi acara sukan bermotor negara.

"Kita juga mahu berkongsi kejayaan ini dengan para penaja lain dan pihak media," katanya.

-- BERNAMA

AR AR RON